



---

## **SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**

**BILANGAN 7 TAHUN 2025**

---

### **GARIS PANDUAN MICRO-CREDENTIALS (MC) UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

**Bahagian Hal Ehwal Akademik**  
15 April 2025

**Disalinkan kepada:**

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Pendaftar  
Pegawai-Pegawai Kanan

## **UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

15 April 2025

### **SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK** **BILANGAN 7 TAHUN 2025**

### **GARIS PANDUAN MICRO-CREDENTIALS (MC) UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan Mesyuarat Senat Kali Ke-244 Bil. 4/2025 pada 15 April 2025 telah bersetuju dengan Garis Panduan *Micro-Credentials (MC)* Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai panduan kepada staf UPSI.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 *Micro-credentials (MC)* merupakan pensijilan bagi pengetahuan, kemahiran dan kecekapan yang dinilai dalam bidang tertentu yang dibangunkan daripada komponen program yang diakreditasi oleh *Malaysian Qualification Agency (MQA)* atau kursus mandiri (*stand-alone*) yang menyokong perkembangan profesional, teknikal, akademik dan peribadi pelajar. (*Guidelines to Good Practices: Micro-credentials MQA, 2020*).
- 2.2 Kursus MC memberikan fokus kepada modul pembelajaran berskala kecil yang membolehkan pelajar melengkapkan pembelajaran dalam jangka masa lebih pendek berbanding secara konvensional. Ia direka untuk menyokong pembelajaran sepanjang hayat, memenuhi keperluan industri dan memberikan fleksibiliti dalam pendidikan tinggi. Garis panduan ini bertujuan untuk menyediakan panduan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris dalam merancang, membangun, menyampaikan dan mengiktiraf MC yang berkualiti tinggi.

- 2.3 MC ialah pensijilan yang diberikan kepada individu setelah menyelesaikan satu atau lebih modul pembelajaran dalam bidang tertentu dan terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu *Micro-Credentials* Berasaskan Program Akademik dan *Microcredentials Mandiri (Stand-Alone Micro-Credentials SAMC)*.

### **3.0 JUSTIFIKASI**

- 3.1 MC dibangunkan bertujuan untuk:

**3.1.1 Menyokong pembelajaran sepanjang hayat**

MC menyediakan laluan fleksibel untuk individu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka sepanjang kerjaya.

**3.1.2 Memenuhi keperluan industri**

MC dibangunkan untuk memenuhi keperluan kemahiran terkini dalam industri.

**3.1.3 Fleksibiliti dan aksesibiliti**

MC boleh diakses secara dalam talian atau melalui pembelajaran teradun, membolehkan pembelajaran pada bila-bila masa dan di mana-mana.

**3.1.4 Pengiktirafan digital**

MC memberikan pengiktirafan dalam bentuk lencana digital dan/atau sijil mikro yang boleh dikumpul untuk tujuan pindah kredit atau penganugerahan kelayakan yang lebih tinggi.

### **4.0 CADANGAN PELAKSANAAN**

- 4.1 Garis panduan ini merangkumi aspek-aspek berikut:

- 4.1.1 Prinsip Utama *Micro-Credentials*
  - 4.1.2 Mod Penyampaian
  - 4.1.3 Struktur dan Penawaran
  - 4.1.4 Jaminan Kualiti
  - 4.1.5 Pemindahan Kredit dan Pengiktirafan
  - 4.1.6 Tadbir Urus dan Pengurusan
  - 4.1.7 Anggaran masa pembelajaran pelajar (*Student Learning Time, SLT*) dan borang berkaitan MC
- 4.2 Perincian bagi setiap aspek adalah seperti di **Lampiran A**.

## 5.0 KEPUTUSAN SENAT

- 5.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju meluluskan Garis Panduan *Micro-Credentials* (MC) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai panduan kepada staf UPSI.

## 6.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 15 April 2025.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”



(SUHAILA SIDEK)

Ketua Timbalan Pendaftar  
Bahagian Hal Ehwal Akademik  
Tarikh: 15 April 2025

# LAMPIRAN A



## Garis Panduan Micro-Credentials UPSI

### 1.0 Pengenalan

- 1.1 Micro-credentials (MC) merupakan pensijilan bagi pengetahuan, kemahiran dan kecekapan yang dinilai dalam bidang tertentu yang dibangunkan daripada komponen program yang diakreditasi oleh Malaysian Qualification Agency (MQA) atau kursus mandiri (*stand-alone*) yang menyokong perkembangan profesional, teknikal, akademik dan peribadi pelajar. (*Guidelines to Good Practices: Micro-credentials MQA, 2020*).
- 1.2 Kursus MC memberikan fokus kepada modul pembelajaran berskala kecil yang membolehkan pelajar melengkapkan pembelajaran dalam jangka masa lebih pendek berbanding secara konvensional. Ia direka untuk menyokong pembelajaran sepanjang hayat, memenuhi keperluan industri, dan memberikan fleksibiliti dalam pendidikan tinggi. Garis panduan ini bertujuan untuk menyediakan panduan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris dalam merancang, membangun, menyampaikan, dan mengiktiraf MC yang berkualiti tinggi.

### 2.0 Jenis Micro-Credentials

#### 2.1 Micro-Credentials Berasaskan Program Akademik

Dibangunkan secara pecah kecil daripada program akademik yang telah mendapat akreditasi sementara atau akreditasi penuh. Pelajar boleh memperoleh lencana digital atau sijil mikro yang boleh dikumpul dan seterusnya membuat pemindahan jam kredit di dalam satu program akademik.

#### 2.2 Microcredentials Mandiri (Stand-Alone Micro-Credentials SAMC)

Dibangunkan secara mandiri berdasarkan keperluan khusus industri atau individu, melibatkan penilaian pentaulahan profesional dan sijil kompetensi. SAMC boleh ditawarkan sebagai kursus pendek yang tidak berkaitan dengan program akademik sedia ada. Manakala SAMC bagi tujuan pindah kredit perlu mendapat jaminan kualiti daripada Pusat Verifikasi Kualiti (*Quality Verification Centre*) yang mana jumlah pengumpulan Jam Pembelajaran Pelajar (SLT) bagi setiap MC adalah minimum empat puluh (40) jam (*Notional Hours*) bersamaan dengan satu (1) jam kredit.

### **3.0 Tujuan Micro-Credentials di UPSI**

#### **3.1 Menyokong pembelajaran sepanjang hayat**

MC menyediakan laluan fleksibel untuk individu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka sepanjang kerjaya.

#### **3.2 Memenuhi keperluan industri**

MC dibangunkan untuk memenuhi keperluan kemahiran terkini dalam industri.

#### **3.3 Fleksibiliti dan aksesibiliti**

MC boleh diakses secara dalam talian atau melalui pembelajaran teradun, membolehkan pembelajaran pada bila-bila masa dan di mana-mana.

#### **3.4 Pengiktirafan digital**

MC memberikan pengiktirafan dalam bentuk lencana digital dan/atau sijil mikro yang boleh dikumpul untuk tujuan pindah kredit atau penganugerahan kelayakan yang lebih tinggi.

### **4.0 Prinsip Utama Micro-Credentials**

#### **4.1 Berasaskan Hasil Pembelajaran**

MC perlu dijajarkan dengan hasil pembelajaran yang jelas dan boleh diukur.

#### **4.2 Fleksibiliti**

MC perlu menawarkan fleksibiliti dari segi mod penyampaian, tempoh pembelajaran, dan kaedah pentaksiran.

#### **4.3 Keperluan Industri**

MC perlu dibangunkan dengan mengambil kira keperluan semasa industri dan majikan.

#### **4.4 Kualiti**

Maklumat tentang hasil pembelajaran, kaedah penyampaian, dan pentaksiran perlu disediakan dengan jelas kepada pelajar. MC perlu memenuhi standard kualiti yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan profesional yang berkaitan.

### **5.0 Mod Penyampaian**

#### **5.1 Dalam Talian**

Menggunakan platform pembelajaran digital.

#### **5.2 Pembelajaran Teradun**

Gabungan sesi dalam talian dan bersemuka.

#### **5.3 Pembelajaran Konvensional**

Sesi bersemuka.

### **6.0 Struktur dan Penawaran**

- 6.1 Setiap MC harus mempunyai minimum 40 jam Pembelajaran Pelajar (SLT) bagi menjamin kedalaman pembelajaran, kecuali bagi SAMC yang tidak terlibat dalam pemindahan kredit.
- 6.2 Reka bentuk kandungan micro-credential harus merangkumi bahan pengajaran, aktiviti pembelajaran, dan pentaksiran.
- 6.3 MC boleh ditawarkan secara berjadual atau tidak berjadual.
- 6.4 Syarat kemasukan (termasuk pra-syarat) bagi modul, dan syarat bergraduat bagi Micro-credentials daripada program akademik yang telah mendapat akreditasi, perlu SAMA dengan kursus dan program akademik yang ditawarkan secara konvensional.
- 6.5 Fakulti/Institut perlu memastikan bahawa pelajar dimaklumkan secara bertulis dan jelas tentang syarat kemasukan dan syarat bergraduat bagi program akademik yang telah mendapat akreditasi, seandainya mereka

berhasrat untuk memperolehi penganugerahan kelayakan yang selanjutnya seperti Diploma, Ijazah atau Sarjana.

## 7.0 Jaminan Kualiti

- 7.1 Bagi memastikan jaminan kualiti micro-credentials UPSI, pasukan panel penilai dalaman yang terdiri daripada pakar dalam bidang kursus dan reka bentuk pengajaran, perlu menjalankan semakan menyeluruh terhadap micro-credential yang dibangunkan.
- 7.2 Bahan asli adalah diutamakan dalam pembangunan micro-credential dan harus menggunakan pelesenan Common Creative (CC).
- 7.3 Penilaian kualiti terdiri daripada beberapa proses iaitu semakan kendiri pembangun, fakulti, penilaian oleh *Subject Matter Expert* (SME) dan seterusnya penilaian oleh Pusat Pembangunan Akademik.
- 7.4 MC yang ditawarkan perlu memenuhi piawaian kualiti akademik dan industri. Ini termasuk:
  - 7.4.1 **Keselarasan dengan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)** bagi MC program akademik.
  - 7.4.2 **Proses pembangunan dan penyemakan kualiti** yang melibatkan panel akademik dan/atau industri.
  - 7.4.3 **Kaedah pentaksiran** yang adil dan telus untuk menilai pencapaian pembelajaran.

## 8.0 Pemindahan Kredit dan Pengiktirafan

### 8.1 Pindah Kredit

MC boleh dipindahkan kredit ke program akademik melalui kaedah, dengan syarat kandungan kursus, tertakluk kepada pindah kredit PPT berdasarkan garis panduan MQA. (*Guidelines to Good Practices: Micro-credentials MQA, 2020*).

Jenis Micro-credentials (MC)	Komponen Program Akreditasi	Komponen Program Akreditasi	Mandiri ( <i>Stand-alone</i> ) - tambahan, alternatif dan pelengkap
<b>Penyedia MC</b>	<b>Penyedia Pengajian Tinggi Tunggal</b>	<b>Pelbagai Penyedia Pengajian Tinggi</b>	<b>Pelbagai Penyedia Pengajian Tinggi dan Penyedia lain</b>
<b>Asal-usul MC</b>	<p>Semua kursus yang diambil melalui micro-credentials adalah komponen program yang diperakui secara bersyarat atau sepenuhnya oleh HEP.</p> <p><b>Contoh:</b> Pelajar mengambil kursus daripada Diploma Akreditasi dalam Perniagaan dari Kolej Pembelajaran Sepanjang Hayat.</p>	<p>Gabungan kursus yang diambil melalui micro-credentials daripada program akreditasi merentas HEP atau penyedia lain sama ada tempatan atau luar negara.</p> <p><b>Contoh:</b> Pelajar mengambil kursus daripada pelbagai HEP awam dan swasta, tempatan atau luar negara*. <i>Kursus ini mesti diperakui di negara asal HEP.</i></p>	<p>Gabungan kursus yang diambil daripada pelbagai penyedia.</p> <p><b>Contoh:</b> Pelajar mengambil kursus daripada HEP tempatan dan luar negara, penyedia MOOC dan institusi latihan tempatan.</p>
<b>Pemindahan Kredit / Penyempurnaan Keperluan</b>	Oleh kerana semua micro-credentials adalah komponen program bertauliah HEP, semua kredit kursus termasuk	Pemindahan kredit (tertakluk kepada dasar pemindahan kredit MQA dan HEP) sehingga maksimum 70% daripada jumlah kredit dalam program. HEP	Pemindahan kredit sehingga 30% kredit dalam program akreditasi di bawah CT untuk MOOC, APEL(C) dan micro-

	pemindahan kredit dikira ke arah penyempurnaan program.	yang menganugerahkan boleh menentukan keperluan 30% yang perlu dipenuhi dan kaedah penyampaian kursus yang ditetapkan.	credentials. Lebih banyak pengiktirafan pembelajaran tidak formal boleh diberikan melalui APEL untuk tujuan penganugerahan, iaitu APEL(Q).
Keperluan Institusi	Memenuhi sepenuhnya keperluan program kerana micro-credentials adalah komponen program akreditasi HEP yang menganugerahkan.	Sekurang-kurangnya 30%* kredit graduasi mesti diambil dengan HEP yang menganugerahkan dalam tempoh kumulatif satu tahun melalui sebarang mod penyampaian yang diluluskan. <i>Berdasarkan peraturan HEP.</i>	Tertakluk kepada keperluan institusi untuk susunan Bukan Micro-Credentials atau tertakluk kepada keperluan dalam Garis Panduan APEL(Q).

## 8.2 Pengiktirafan Profesional

MC juga boleh digunakan untuk tujuan sijil profesional atau latihan industri jika memenuhi keperluan badan profesional yang diiktiraf.

## 9.0 Tadbir Urus dan Pengurusan

### 9.1 Peranan Pusat Pembangunan Akademik

- 9.1.1 Menyediakan dasar dan polisi berkaitan MC.
- 9.1.2 Menyelaras dan menyokong pembangunan dan pelaksanaan MC di UPSI.
- 9.1.3 Memantau keberkesanan MC dan cadangan penambahbaikan.
- 9.1.4 Menyediakan platform digital MC.

**9.2 Peranan Fakulti/PTj:**

- 9.2.1 Fakulti/PTj bertanggungjawab terhadap pembangunan, pelaksanaan, dan pemantauan MC di fakulti masing-masing.
- 9.2.2 Unit Jaminan Kualiti Micro-credentials Fakulti memastikan MC memenuhi standard yang ditetapkan.

**9.3 Peranan Bahagian Pengurusan Kualiti (BPQ):**

Mendaftar kursus MC ke Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

**10.0 Penutup**

Garis panduan ini bertujuan untuk memastikan pelaksanaan MC yang berkesan, berkualiti, dan selaras dengan keperluan pendidikan tinggi dan industri di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Dengan adanya MC, universiti dapat menawarkan laluan pembelajaran yang lebih fleksibel dan relevan dengan keperluan pelajar serta tenaga kerja global.

**11.0 Lampiran**

- 11.1 Anggaran Masa Pembelajaran Pelajar (SLT)
- 11.2 Borang Permohonan
- 11.3 Borang Semakan
- 11.4 Template Course Mapping

## Rujukan

*Guidelines to Good Practices: Micro-credentials (2020). Cyberjaya: Malaysian Qualification Agency.*

Guideline to Good Practice: Quality Verification of Stand Alone Micro credentials (2023) (GGP QVSAMC)

Amalan Kualiti MOOC Malaysia

*Guidelines on Credit Transfer for Massive Open Online Courses (MOOC) (2016)*

Garis Panduan Pembelajaran Teradun Gantian (GP PTG) (Pembelajaran dalam Talian), JPT (2020)

*Accreditation of Prior Experiential Learning for Access (APEL.A) and Accreditation of Prior Experiential Learning for Micro-Credentials (APEL.M) (2023)*

*Code of Practice for Programme Accreditation: Open and Distance Learning. Edisi Kedua (2019). Cyberjaya: Malaysian Qualification Agency.*

*Malaysian Qualifications Framework. Edisi Kedua (2017). Cyberjaya: Malaysian Qualification Agency.*

*Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (2015). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.*

*Garis Panduan Pembangunan dan Penawaran Massive Open Online Course (MOOC), UPSI (2023)*

**Lampiran****Lampiran****Anggaran Masa Pembelajaran Pelajar (SLT)**

Aktiviti/Penilaian	Anggaran Masa Pembelajaran Pelajar (SLT)
1 Video (7-10 minit)	1 jam
1 Audio/Podcast (7-10 minit)	1 jam
1 Set Slide (10 slaid)	1 jam
1 Bahan Pembelajaran (1000 perkataan atau bersamaan sekiranya dengan grafik)	3 jam
Aktiviti Pembelajaran - pra dan pasca (10 minit)	1 jam
Penilaian Berdasarkan 1 Penulisan (1000 perkataan atau bersamaan)	5 jam
Penilaian Berdasarkan 1 Pembentangan (30 minit)	3 jam
Penilaian Berdasarkan 1 Projek/Produk	5 jam
Penilaian Berdasarkan 1 Soalan Pilihan Berganda (MCQ) (10 soalan) (juga mengikut darjah kesukaran)	30 minit

## Borang Permohonan



https://ppa.upsi.edu.my

**BORANG PERMOHONAN PEMBANGUNAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC)  
MICRO-CREDENTIAL (MC) STAND ALONE MICRO-CREDENTIAL (SAMC) / OPEN  
EDUCATIONAL RESOURCE (OER) UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**  
**PUSAT PEMBANGUNAN AKADEMIK**  
No. Tel. : 06 - 450 5011

### BAHAGIAN A: MAKLUMAT PEMBANGUN

Nama Pemohon

Jawatan

No. Staf

Fakulti / PTJ

e-mel

No. Telefon Bimbit

Kategori  
(tandakan / pada kotak yang  
disediakan)

Individu

Kumpulan

Kategori Kumpulan (jika  
berkenaan)

Nama Ketua (nyatakan juga fakulti/PTJ):

Nama Ahli (nyatakan juga fakulti/PTJ);  
Gunakan Lampiran jika ruang tidak mencukupi

### BAHAGIAN B: MAKLUMAT KURSUS YANG AKAN DIBANGUNKAN

Tajuk Kursus

Kod Kursus (jika berkenaan)

Sinopsis Kursus

Tahap Program (tandakan /  
pada kotak yang disediakan)

Pra Siswazah

Pasca Siswazah

Pembelajaran  
Sepanjang Hayat  
(PSH)

Jenis Penawaran (tandakan /  
pada kotak yang disediakan)

MOOC

MC

SAMC

OER

Kajian Pasaran

Gunakan lampiran jika ruang tidak  
mencukupi

Sasaran Peserta

Jangkaan tarikh penawaran  
kursus (Lampirkan cadangan  
gans masa pembangunan)

UPTD/PPA/PPMA/BN1

**BAHAGIAN C: PENGESAHAN PERMOHONAN**

Saya mengesahkan segala maklumat di atas adalah benar dan dalam pengetahuan Dekan/Pengarah Fakulti / PTJ

Tandatangan pemohon :

Nama & Cop :

Tarikh :

**BAHAGIAN D: PENGESAHAN DEKAN/PENGARAH BAGI FAKULTI/PTJ**

Saya mengesahkan telah menerima permohonan ini serta telah membuat semakan cadangan pembangunan kandungan kursus tersebut. Saya menyokong permohonan ini.

Tandatangan  
Dekan/Pengarah

Nama & Cop :

Tarikh :

**BAHAGIAN E: UNTUK KEGUNAAN PUSAT PEMBANGUNAN AKADEMIK (PPA)**

Senarai semak permohonan (Tandakan / pada kotak yang disediakan):

Bil.	Perkara	Tandakan /
1	Borang permohonan pembangunan telah lengkap	
2	Maklum balas penerimaan borang permohonan	
3	Sesi Perundingan PPA bersama pemohon	
4	Proses di peringkat <i>Content Development</i>	
5	Proses di peringkat Produksi	
6	Proses di peringkat semakan teknikal	
7	Penawaran kursus	
8	Makluman kepada pembangun untuk proses tuntutan bayaran pembangunan	
9	Borang tuntutan bayaran pembangunan telah lengkap	
10	Penyerahan borang tuntutan bayaran pembangunan kepada PTPO kewangan	

## Borang Semakan



**BORANG SEMAKAN BAGI PEMBANGUN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE  
(MOOC)/ MICRO-CREDENTIAL (MC)/ OPEN EDUCATIONAL RESOURCE (OER)**  
**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**BAHAGIAN A: UNTUK DIISI OLEH PEMBANGUN**

NAMA PEMBANGUN	
JAWATAN	
NO. STAF	
FAKULTI/PTJ	
E-MEL	
NO. TELEFON	
TAJUK KURSUS	
KOD KURSUS (jika ada)	
KATEGORI	Cth: MOOC/MC/OER
SUB-KATEGORI	Cth: Lifelong Learning/Akademik
TANDATANGAN/COP:	
TARIKH:	

**BAHAGIAN B: UNTUK DIISI OLEH PUSAT PEMBANGUNAN AKADEMIK (PPA)**

KRITERIA	CATATAN
<b>BAGI SEMAKAN PEREKA INSTRUKSIONAL</b>	
<b>SEMAKAN AM</b>	
Jumlah modul yang bersesuaian	
Jumlah video yang bersesuaian	
<input type="checkbox"/> Memaparkan pengajar <input type="checkbox"/> Memaparkan nama pengajar <input type="checkbox"/> Memaparkan kandungan yang berkaitan dan mengikut objektif pembelajaran (LO) <input type="checkbox"/> Durasi 5-10 minit setiap video	
Jumlah aktiviti yang bersesuaian untuk setiap modul.	
Jumlah penilaian yang bersesuaian untuk setiap modul.	
'Thumbnail' bersesuaian dengan kursus.	
'Thumbnail' mempunyai logo UPSI dan MOOC/MC/OER	
Hasil pembelajaran kursus ditakrifkan dengan jelas, boleh diukur dan diselaraskan dengan aktiviti pembelajaran dan penilaian.	
<b>PENYESUAIAN KANDUNGAN</b>	
Kandungan memenuhi hasil pembelajaran yang ditetapkan.	
Kandungan relevan dengan objektif kursus.	
Bahasa yang digunakan sesuai dan mudah difahami oleh pelajar.	
<b>STRUKTUR KURSUS</b>	
Struktur kursus disusun secara logik dan berurutan.	
Setiap modul dilengkapi dengan pengenalan, isi, dan rumusan.	
Struktur kursus mudah untuk dinavigasi.	
Kursus tersebut tiada kesalahan tatabahasa dan ejaan.	
Kursus menyediakan aktiviti yang bervariasi (cth: kuiz, forum, video interaktif, dll)	
<b>AKTIVITI PEMBELAJARAN</b>	
Aktiviti menarik dan melibatkan pelajar secara aktif.	
Aktiviti sejajar dengan tahap Bloom's Taxonomy (pengetahuan, analisis, aplikasi, dll).	
Arahan bagi setiap aktiviti mudah difahami.	
<b>PENILAIAN</b>	
Penilaian sejajar dengan hasil pembelajaran.	
Pelbagai jenis penilaian disediakan (formatif dan sumatif).	

Penilaian bersifat autentik.		
Penilaian yang berbentuk "Student-Centered".		
Arahan bagi setiap penilaian mudah difahami.		
<b>INTERAKTIVITI</b>		
Elemen interaktif seperti kuiz, forum, atau video digunakan.		
Pelajar dapat berinteraksi dengan kandungan dan fasilitator.		
<b>PANDANGAN &amp; CADANGAN PENAMBAHBAIKAN</b>		
<p>Sila nyatakan pandangan dan cadangan penambahbaikan:</p> <hr/> <hr/> <hr/>		
<p><b>Disemak oleh:</b></p> <p>Nama: _____</p> <p>Jawatan: _____</p> <p>Tarikh: _____</p>		
<b>BAGI SEMAKAN PENERBIT RANCANGAN</b>		
<b>SEMAKAN AM</b>		
Video promosi yang berkaitan dengan kursus dan tempohnya <b>kurang daripada 3 minit</b> dan termasuk:		
<input type="checkbox"/> Termasuk pratonton ringkas modul. <input type="checkbox"/> Berdurasi 3 minit <input type="checkbox"/> Termasuk imej dan profil pengajar.		
Setiap video hendaklah memenuhi kriteria berikut:		
<input type="checkbox"/> Durasi video 5-10 minit. <input type="checkbox"/> Mempunyai sekurang-kurangnya <b>1 (SATU)</b> hasil pembelajaran. <input type="checkbox"/> Pengajar kelihatan profesional dan yakin (jika berkaitan). <input type="checkbox"/> Melibatkan diri dengan penonton. <input type="checkbox"/> Disampaikan dalam bahasa percakapan dan bahasa yang mudah difahami.		

Setiap audio/podcast hendaklah memenuhi kriteria berikut:		
<input type="checkbox"/> Berdurasi antara 5-10 minit. <input type="checkbox"/> Mempunyai sekurang-kurangnya <b>1 (SATU)</b> hasil pembelajaran. <input type="checkbox"/> Transkrip (pilihan) <input type="checkbox"/> Melibatkan diri dengan penonton. <input type="checkbox"/> Disampaikan dalam bahasa percakapan dan bahasa yang mudah difahami.		
<b>VIDEO (TEKNIKAL)</b>		
Penerbitan video perlu mengikut kepada "Running Order".		
Format video - mov atau mp4.		
Mesej yang jelas dan menarik.		
Resolusi video ~ 1920 x 1080 Full HD		
Definition video ~ progressive (1080p)		
Frame Rate rakaman dan suntingan ~ 24fps, 25fps atau ke atas.		
Transition yang lancar (antara scene).		
Sarikata ~ video Bahasa Malaysia (dan Bahasa lain) perlu mempunyai sarikata Bahasa Inggeris.		
<b>NOTA:</b>		
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Sarikata 1 atau 2 baris menggunakan jenis dan saiz font yang mudah dibaca.</li> <li>● Warna font ialah putih. Berlatarbelakang 'box-bar' warna hitam. Terletak di bawah screen.</li> </ul>		
Slides/pembentangan/infografik/pdf:		
<input type="checkbox"/> Bullet points & text yang bersesuaian <input type="checkbox"/> Animasi yang bersesuaian <input type="checkbox"/> Carta yang bersesuaian <input type="checkbox"/> Skema warna yang bersesuaian <input type="checkbox"/> Fonts yang bersesuaian <input type="checkbox"/> Grafik berkualiti tinggi		
Kualiti visual		
<input type="checkbox"/> Kualiti tinggi.		

<input type="checkbox"/> Suntingan yang kemas. <input type="checkbox"/> Pelajar boleh menonton tenaga pengajar/bahan pembelajaran yang dipaparkan dengan mudah (tidak kabur)		
<b>AUDIO (TEKNIKAL)</b>		
Paras dB bagi voice over atau hos ~ tidak melebihi -12 dB. Paras dB bagi lagu latar ~ tidak menyamai paras dB voice over atau hos. Penggunaan lagu latar adalah pilihan. Jika pembangun mahu menggunakaninya:		
<input type="checkbox"/> Menggunakan lagu latar <i>copyright free</i> . <input type="checkbox"/> Lagu latar mestilah tidak mempunyai vocal (hanya instrumental).		
Kualiti audio  <input type="checkbox"/> Sebutan yang jelas. <input type="checkbox"/> Bunyi yang seimbang dan mudah didengari. <input type="checkbox"/> Noise yang minimal.		
<b>PANDANGAN &amp; CADANGAN PENAMBAHBAIKAN</b>		
Sila nyatakan pandangan dan cadangan penambahbaikan:  <hr/> <hr/> <hr/>		
<b>Disemak oleh:</b> Nama: _____ Jawatan: _____ Tarikh: _____		
<b>BAGI SEMAKAN PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (PLATFORM)</b>		
<b>TINJAUAN &amp; MAKLUMAT KURSUS (HALAMAN UTAMA)</b>		
Kursus ini mempunyai kandungan "Selamat Datang" dan "Bermula". Gambaran keseluruhan kursus, serta dalam setiap modul disediakan.		

Arahan yang jelas dan baik untuk menavigasi modul disediakan.		
Kursus ini menyediakan maklumat hubungan untuk pengajar, jabatan, dan program.		
Sesi "ice breaking" disediakan.		
<b>LANDING PAGE</b>		
Tajuk kursus adalah ringkas, bermaklumat, jelas dan relevan dengan kursus.		
Hasil pembelajaran kursus dinyatakan dengan jelas.		
Kursus ini merangkumi sinopsis kursus.		
Kursus ini mengandungi video promosi.		
Kursus mengandungi sinopsis (100 - 200 patah perkataan).		
Pengetahuan dan kemahiran pra-syarat dinyatakan dengan jelas (jika ada).		
Hasil pembelajaran kursus dinyatakan dengan jelas.		
Profil pengajar yang disediakan mempunyai butiran berikut:		
<input type="checkbox"/> Nama penuh <input type="checkbox"/> PTJ <input type="checkbox"/> Foto <input type="checkbox"/> Emel/Maklumat untuk dihubungi <input type="checkbox"/> Pengkhususan/Bidang Kepakaran		
<b>KANDUNGAN KURSUS</b>		
Kandungan kursus yang lengkap merangkumi:		
<input type="checkbox"/> Video <input type="checkbox"/> Bahan pembelajaran/Nota <input type="checkbox"/> Aktiviti kendiri (Forum/Quizizz/Kahoot/dll) <input type="checkbox"/> Penilaian (Kuiz/Tugasan)		
<b>PENGGUNAAN TEKNOLOGI</b>		
Alat teknologi yang digunakan bersesuaian dan menyokong hasil pembelajaran.		
Sistem berfungsi dengan baik pada pelbagai peranti (responsif).		
<b>PANDANGAN &amp; CADANGAN PENAMBAHBAIKAN</b>		
Sila nyatakan pandangan dan cadangan penambahbaikan:		

**Lampiran**

Disemak oleh:	
Nama:	
Jawatan:	
Tarikh:	

**BAHAGIAN C: PENGESAHAN PENYELARAS E-PEMBELAJARAN, PUSAT PEMBANGUNAN AKADEMIK (PPA)**

NAMA	
JAWATAN	
CATATAAN	
TANDATANGAN & COP:	
TARIKH:	

**BAHAGIAN D: PENGESAHAN TIMBALAN PENGARAH E-PEMBELAJARAN, PUSAT PEMBANGUNAN AKADEMIK (PPA)**

NAMA	
JAWATAN	
CATATAN	
TANDATANGAN & COP:	
TARIKH:	

**BAHAGIAN E: PENGESAHAN PENGARAH, PUSAT PEMBANGUNAN AKADEMIK (PPA)**

NAMA	
JAWATAN	
CATATAN	
TANDATANGAN & COP:	
TARIKH:	

## Template Course Mapping



MICRO-CREDENTIAL COURSE MAPPING [TEMPLATE]

COURSE TITLE							
COURSE CODE							
DURATION	_____ hours/weeks						
INSTRUCTOR							
Course Synopsis							
Course Learning Outcome (CLO)	<i>By the end of this course, learners should be able to:</i> 1. 2. 3.						
<i>Course Mapping</i>							
CLO		MODULE	MCLO		INSTRUCTIONAL	ACTIVITIES	ASSESSMENTS

## Lampiran

	TOPICS			CONTENT/ DURATION	MATERIALS		
1.				SLT: X hours		SLT: X hours	SLT: X hours
2.				SLT: X hours		SLT: X hours	SLT: X hours
3.				SLT: X hours		SLT: X hours	SLT: X hours
<b>TOTAL OF SLT: XX hours</b>						X number of modules = XX hours SLT	

**Template Semakan Video**



**VIDEO CHECKING [TEMPLATE]**

COURSE TITLE	
COURSE CODE	
AMENDMENT	e.g: Bil. 1

(please tick ✓ in the boxes provided if there is no amendment needed)

VIDEO	GRAPHIC	SOUND	TOTAL DURATION
E.g: Video 1	<ul style="list-style-type: none"><li>■ Text cannot be read due to unsuitable font color at 3:29</li><li>■ Display host at 4:57 instead of graphic.</li></ul>	BGM is too loud at 5:45	8:50 ✓

